

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

BERSEMPENA PENJENAMAAN SEMULA

KOPERASI COOP2U BERHAD

2018

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Tahun 2017 dan sebelumnya merupakan tahun yang amat mencabar buat Koperasi Coop2u Berhad. Pelbagai cabaran getir telah ditempuhi satu-persatu termasuklah pengenalan kepada ahli-ahli lembaga terkini yang terdiri daripada muka-muka baru dan segar bagi membina semula Koperasi Coop2u Berhad yang dinamik dan kukuh.
- 1.2 Justeru, Koperasi Coop2u Berhad berhasrat untuk terus maju ke depan dan memperbaiki serta mengukuhkan kembali keharmonian yang selama ini telah dikecapi, dengan memperkenalkan logo baru yang akan diguna pakai dalam semua aktiviti percetakan, promosi dan pameran koperasi pada masa hadapan.

2.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 2.1 Mengajak masyarakat awam dan anggota koperasi khususnya golongan belia bagi menyokong perubahan yang dilakukan Coop2u sebagai satu titik perubahan positif ke arah menjadi sebuah koperasi yang lebih bermutu dan bersih.
- 2.2 Memberi peluang kepada masyarakat dan anggota koperasi untuk menunjukkan daya kreativiti yang tinggi dan bersifat kompetitif yang sihat.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN BORANG PENYERTAAN

- 3.1 Syarat dan Terma Pertandingan
 - a) Pertandingan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur **15 tahun hingga 40 tahun sahaja**.
 - b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimana pun, hanya **satu logo sahaja** yang akan dipilih sebagai pemenang.
 - c) Semua ciptaan logo mestilah **asli** dan tidak diambil/ ditiru/ diplagiat dari mana-mana logo tempatan atau luar negara.
 - d) Peserta diwajibkan untuk “LIKE” dan “SHARE beserta tag rakan-rakan” di **Facebook** Koperasi (carian: Koperasi Coop2u Berhad) serta follow **IG: koperasicoop2u**

- e) Semua ciptaan logo yang diterima oleh urus setia pertandingan Ciptaan Logo Koperasi Coop2u Berhad 2018 akan menjadi **hak milik** Koperasi Coop2u Berhad dan tidak boleh dikembalikan. Koperasi Coop2u Berhad **berhak** ke atas logo yang terpilih untuk sebarang pindaan, ubah suai dan tindakan yang setaraf dengannya, bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi.
- f) **Pemenang utama** akan menerima hadiah **wang tunai** beserta **sijil penghargaan**.
- g) **Kesemua** peserta akan menerima **sijil penyertaan**.
- h) Ahli jawatankuasa pertandingan dan Kakitangan Koperasi Coop2u Berhad **tidak dibenarkan** menyertai pertandingan ini.

3.2 Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- a) Reka bentuk mestilah **BARU dan ASLI** serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati terbukti hasil karya yang dihantar tidak asli / ciplak
- b) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan **kertas bersaiz A4** (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dalam grafik komputer. Karya juga perlu disediakan dalam bentuk "**softcopy**" menggunakan **format AI (Adobe Illustration) atau JPEG** resolusi minimum 1280x960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.
- c) Pereka hendaklah memberi **keterangan atau penjelasan** ke atas rekabentuk logo serta rasional ke atas pemilihan warna yang dilakukan. Penjelasan yang **hampir** kepada perkara 1.0 (Latar Belakang) di dalam terma ini adalah sangat digalakkan.
- d) Jenis logo yang diterima hanyalah dalam bentuk **LETTERMARK** atau **WORDMARK sahaja**
- e) Logo anda perlu mempunyai **2 warna sahaja**, maka peserta perlu bersifat kreatif dan kritis dalam menentukan 2 warna yang ingin dipilih.
- f) Selain penjelasan ke atas reka bentuk, ciri-ciri rekaan peserta perlulah menggabungkan elemen **moden dan futuristik** bagi menggambarkan identiti dan imej jati diri koperasi serta anggotanya.
- g) Semestinya reka bentuk perlulah **menarik, jelas, mudah dan kemas**.

3.3 Borang Penyertaan

- a) Setiap peserta hendaklah **mengisi borang** penyertaan yang disediakan.
- b) Maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas dan dikepulkan di belakang hasil karya masing-masing iaitu:
 - **Nama Penuh;**

- **Nombor Kad Pengenalan;**
- **Alamat Penuh;**
- **Nombor Telefon;**

dan kemudian dihantar dalam bentuk **hardcopy dan softcopy** samada melalui **pos atau e-mel**.

- c) Penyertaan dibuka mulai **2 Mei 2018 (Selasa) hingga 8 Jun 2018 (Jumaat) 12.00 malam**. Ini bermakna, hadiah wang tunai dan sijil penghargaan akan diberikan sebelum Hari Raya Aidilfitri pada 14/15 Jun 2018 sebagai **duit raya pemenang**.
- d) Sebarang penyertaan yang diterima **selepas 8 Jun 2018 tidak akan dilayan** oleh pihak urus setia.
- e) Setiap penyertaan melalui pos hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Urus setia,
Pertandingan Mencipta Logo Koperasi Coop2u,
No 6, Jalan 13/48A
Sentul Raya Boulevard
51000 Kuala Lumpur**

ATAU e-mel kepada:

info@coop2u.com

- f) Bagi penghantaran **secara pos**, pastikan di sebelah atas kiri sampul anda tertulis “**Pertandingan Mencipta Logo Coop2u**”
- g) Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas **tanggungannya peserta sendiri**.

4.0 METODOLOGI PENILAIAN

- 4.1 Penilaian akan dilakukan terhadap **semua penyertaan yang diterima** dari semua peserta yang menyertai pertandingan mencipta logo ini.
- 4.2 Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap **layout/design logo** yang dihantar kepada urus setia pertandingan dan semestinya memenuhi syarat reka bentuk yang telah ditetapkan.
- 4.3 **Hanya satu (1) reka bentuk logo** sahaja yang akan dinobatkan sebagai pemenang dan pemenang hanya layak menerima satu kali hadiah wang tunai dan sijil penghargaan.

5.0 PANEL PENILAI

- 5.1 Penilaian akan dibuat oleh satu **Jawatankuasa Penilai** yang dibentuk berasingan dan kemungkinan juga melibatkan undian anggota koperasi Coop2u Berhad sendiri (592 orang)
- 5.2 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai
- 5.3 Panel Penilai berhak membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan.
- 5.4 Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda rekabentuk logo yang telah dipilih atau menghubungi semula pemenang bagi tujuan yang sama sekiranya perlu.

6.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 6.1 Hanya satu ciptaan logo sahaja yang akan dipilih dan pemenangnya akan menerima duit raya bernilai RM500 beserta sijil penghargaan. Tiada sebarang penurunan nilai bagi wang tunai, namun sekiranya terdapat pertambahan hadiah, wakil koperasi Coop2u Berhad akan membuat pengumuman.
- 6.2 Kesemua peserta akan menerima sijil penyertaan.
- 6.3 Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak urus setia melalui telefon, surat atau e-mel.

7.0 URUS SETIA PERTANDINGAN

- 7.1 Sebarang keraguan atau pertanyaan bolehlah diajukan kepada:

En Raes Arifin

0340421009 (ext 601)

raesarifin@coop2u.com

BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
BERSEMPENA PENJENAMAAN SEMULA
KOPERASI COOP2U BERHAD
2018

BUTIRAN PESERTA

- a) Nama :
- b) No. Kad Pengenalan :
- c) Alamat :
- d) Email :
- e) No. Telefon :

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan seperti yang termaktub dalam terma pertandingan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Koperasi Coop2u Berhad sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas itu.

Tandatangan :

Nama & No. Kad Pengenalan :

Tarikh :